

Pusat e-Pembelajaran UMS memperkasa pendidik

UB 02.11.2024 P.06

KOTA KINABALU: Penganguran Program Skolar Next Level: Educators with Canva and ChatGPT (SNL) mampu memberi pendedahan mengenai teknologi Generative AI dan Canva dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ia dianjurkan oleh Skolar Malaysia dengan kerjasama Pusat e-Pembelajaran (PEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sawit Kinabalu Group.

Pengarah PEP, UMS Prof. Dr. Fong Soon Fook berkata usaha dan sinergian antara IPTA dan pihak sekolah amat penting dalam menyediakan pelajar dan murid yang peka terhadap penggunaan teknologi pembelajaran terkini.

Katanya, SNL ialah inisiatif dilaksanakan di beberapa negeri bagi menyebar luas akan pentingnya kemahiran digital dalam dunia pendidikan moden.

"Ia selaras dasar pendidikan digital iaitu Pendidik Kompeten Digital bagi merapatkan lagi jurang digital dan kualiti pendidikan bagi memperkasakan para pendidik," katanya dalam satu kenyataan sempena penganguran program itu.

Menurut Fong, melalui program SNL pendidik dapat



BERMANFAAT: Sebahagian daripada pendidik yang hadir menyatakan bahawa program itu sangat bermanfaat.

mempraktikkan teknologi seperti ChatGPT dalam penyediaan bahan pengajaran serta Canva dalam menyediakan idea dalam bentuk visual yang lebih menarik dan mudah difahami oleh pelajar.

"Ini bukan sahaja meningkatkan kreativiti guru sebagai pendidik, tetapi juga membantu mereka lebih efisien dalam menyampaikan maklumat jelas dan efektif," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berharap program Skolar Next Level dapat membuka peluang baharu untuk warga pendidik di Sabah khususnya dalam mempercepatkan pembelajaran teknologi.

"Melalui program ini, para pendidik bukan sahaja dapat mempelajari kemahiran yang relevan untuk era digital, tetapi juga dapat membangunkan minda yang inovatif dan kreatif bagi mengaplikasikan kaedah pembelajaran yang interaktif di dalam kelas.

Program SNL menghim-punkan 200 pendidik daripada pensyarah, guru, pelajar sepanjang hayat (life-long learners) dan jurulatih daripada seluruh pelosok negeri Sabah.

Program ini menyaksikan kehadiran Dr. Muhammad Tazli Azizan, pengasas bersama Skolar Malaysia sekali gus menjadi jurulatih utama pro-



RASMI: Fong ketika berucap merasmikan program itu.

gram dan merupakan Canva Verified Expert yang kedua serta Brandon Liau, anak watan Sabah, yang merupakan Canva Verified Expert pertama di Malaysia.